

20/02/1997

Kerahan tenaga: Penekanan kepada disiplin

Rudy Sham Ab Raof; Zabidi Hitam

KERAJAAN tidak bercadang mencontohi konsep kerahan tenaga yang dilaksanakan oleh negara luar kerana kerajaan mempunyai program yang tersendiri tanpa berpandu kepada konsep dari negara tertentu.

Konsep program kerahan tenaga yang akan membabitkan belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) itu tidak sama dengan program kerahan tenaga yang dilakukan di negara lain, termasuk di negara jiran Singapura.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Loke Yuen Yow, berkata program kerahan tenaga yang dicadangkan itu lebih memberi penekanan kepada pembentukan sahsiah, agama, latihan mental serta peningkatan disiplin.

Bagaimanapun, katanya, kementerian memang bercadang menyelitkan latihan asas ketenteraan dalam program itu bagi memastikan mutu disiplin pelajar di negara ini menampakkan peningkatan.

"Kerajaan tidak bercadang meniru program kerahan tenaga yang dilaksanakan di negara lain kerana di sana ia lebih berbentuk memaksa pelajar menyertai pasukan beruniform.

"Ada negara yang mewajibkan setiap pelajar lepasan sekolah menyertai pasukan beruniform, termasuk tentera laut, polis dan tentera darat selama dua tahun sebagai tanda taat setia mereka kepada negara.

"Kementerian tidak berhasrat mewajibkan pelajar menyertai anggota beruniform kerana program yang akan dijalankan lebih berbentuk nilai murni serta amalan hidup sihat," katanya ketika dihubungi di pejabatnya semalam.

Kata beliau, walaupun Perdana Menteri belum menetapkan lagi penyelarasan program berkenaan, namun Kementerian Belia dan Sukan sudah merangka kertas kerja untuk dibentangkan kepada Kabinet, tidak lama lagi.

"Kita sudah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khidmat Sosial Negara yang dipengerusikan oleh bekas tokoh akademik negara, Prof Datuk Dr Awang Had Salleh bagi meneliti gejala sosial yang menular di kalangan belia di negara ini.

"Jawatankuasa berkenaan sudah merangka kertas kerja untuk memerangi gejala sosial di negara ini dan akan dibentangkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, tidak lama lagi," katanya.

Menurutnya, negara mempunyai kira-kira 400,000 pelajar lepasan SPM setiap tahun dan kementerian mendapati kebanyakan pelajar tidak menjalankan sebarang aktiviti kemasyarakatan sebelum keputusan peperiksaan diumumkan.

Beliau berkata, kebanyakan pelajar mensia-siakan masa yang ada, termasuk lepak dan berpeleseran di kompleks beli-belah, pusat hiburan serta pusat permainan video.

"Oleh itu, kementerian mengambil satu langkah dengan mengumpul semua pelajar terbabit di sekolah masing-masing selama dua atau tiga bulan untuk mengikuti program khidmat sosial yang dijalankan oleh kerajaan," katanya.

Sebelum ini, Muhyiddin berkata, pihaknya akan mengemukakan kertas cadangan Khidmat Sosial Negara yang sedang dirangka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dipertimbangkan sebagai program kerahan tenaga.

Menurut Muhyiddin, kementeriannya sudah menubuhkan pasukan petugas khas untuk merangka program khidmat sosial negara, yang memberi tumpuan kepada aspek moral dan kegiatan kemasyarakatan, pembinaan sahsiah dan amalan cara hidup sihat.

Pasukan petugas yang dibentuk mencadangkan supaya Program Khidmat Sosial Negara dijadikan program wajib kepada kira-kira 400,000 lepasan SPM.

Tempoh pelaksanaan program khidmat sosial negara yang dicadangkan itu

tidak melebihi setahun.

Baru-baru ini, selepas menghadiri Perjumpaan Khas Mengenai Gejala Sosial Umat Islam, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menimbang cadangan supaya lepasan sekolah menyertai program kerahan tenaga dalam usaha mengurangkan gejala sosial khususnya di kalangan belia Melayu.

Menurut Loke, pada masa ini, kira-kira 1.3 juta belia seluruh negara sudah mendaftar untuk menyertai program Rakan Muda yang diperkenalkan sejak dua tahun lalu.

"Daripada jumlah itu, kira-kira 1.2 juta sudah mengikuti pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pihak kementerian menerusi Jabatan Belia dan Sukan negeri," katanya.

(END)